

25 SEP 1997

Megat-Akta

UNDANG-UNDANG KAWAL KAUT UNTUNG BERLEBIHAN AKAN DIWUJUDKAN

GENTING HIGHLANDS, 25 Sept (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mewujudkan undang-undang bagi menghalang pengambilan keuntungan yang berlebihan.

Menterinya Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata peruntukan itu akan dimasukkan ke dalam undang-undang yang sedia ada, yang melibatkan pengguna atau peniaga, bagi memastikan tiada perbuatan mengaut keuntungan secara berlebihan.

"Kementerian memandang serius perkara itu (mewujudkan undang-undang) dan saya akan berbincang dengan pegawai dan penasihat undang-undang bagi memasukkan undang-undang itu ke dalam mana-mana Akta yang berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Unit Pemadam Genting Highlands, di sini hari ini.

Megat Junid berkata beliau telah diminta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semalam supaya meneliti, untuk memasukkan sebarang bentuk tindakan ke dalam akta yang ada, bagi mengawal keuntungan yang keterlaluan.

Beliau berkata perbuatan mengaut keuntungan yang berlipat ganda itu sering berlaku terutama terhadap penjualan air minuman yang dibotolkan (air mineral dan air minuman).

Katanya terdapat peniaga yang mengaut keuntungan yang berlipat ganda walaupun kos pengeluarannya hanya sedikit.

"Sebab itu saya mengambil inisiatif untuk meletakkan harga pengedar pada botol air minuman itu secepat mungkin bagi mengelak perbuatan mengambil keuntungan yang keterlaluan," katanya.

Semasa ditanya mengenai dakwaan bekalan air minuman yang dibotolkan di Sarawak telah kehabisan stok, beliau menjelaskan bahawa tindakan telahpun diambil untuk menghantar bekalan ke sana.

"Stok kehabisan kerana pengguna membeli melebihi daripada keperluan, akibat khabar-khabar angin bahawa bekalan air di sana tercemar akibat jerebu, tetapi itu adalah tidak benar," katanya.

Beliau berkata semua barang keperluan di negeri itu mencukupi dan beliau memberi jaminan bahawa sekiranya timbul masalah tindakan segera akan diambil untuk mengatasinya.

Unit Pemadam Genting Highlands merupakan unit korporat Pemadam yang pertama di negara ini dan kini ia mempunyai lebih 100 anggota dari kawasan Genting.-- BERNAMA

NHD RI